



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

#### **MENGENAI**

#### **ADUAN PROJEK PEMBINAAN KEDAI PEJABAT BERDERET, 5 TINGKAT BESERTA 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DI JALAN AMAN, BANDAR KEPONG DAN BANTAHAN PENDUDUK PANGSAPURI SERI PURI**

**21 NOVEMBER 2017**

---

1. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima aduan pada 15 November 2017 berkaitan bantahan penduduk Seri Puri di Jalan Aman Kepong berkenaan cadangan pembinaan berdekatan di kawasan cerun bukit yang dikhuatiri boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh.
2. Semasa pemeriksaan dilakukan di tapak, tiada sebarang aktiviti kerja tanah dijalankan. Cadangan pembinaan yang terletak berhampiran Pangsapuri Aman Puri dan juga Pangsapuri Seri Puri ini telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Selayang pada 11 Februari 2015. Lokasi tapak ini juga di kawasan bukit yang dianggarkan dalam berkecerunan 30 darjah (30°). Projek pembinaan ini tidak tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

3. Dalam hal ini, satu Mesyuarat antara Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains Ibu Pejabat dan Wilayah Persekutuan/Selangor dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar di Putrajaya bagi membincangkan isu keresahan penduduk ini dan antara perkara yang dipersetujui ialah:

- i) Menangguhkan sementara kerja-kerja di tapak oleh pemaju;
- ii) Mengarahkan pemaju untuk menjalankan kajian lanjut dan terperinci berkaitan kestabilan cerun; dan
- iii) Memastikan semua kajian geoteknikal yang dijalankan disahkan oleh Jurutera Perunding Profesional dan kompeten.

4. Laporan Geoteknikal yang telah disahkan dan diluluskan sahaja akan dapat meyakinkan penduduk mengenai langkah-langkah kawalan dan piawai berkaitan yang dicadangkan dipatuhi bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

5. Pihak Kementerian sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap keperluan dan denyut nadi rakyat dalam mengurus pembangunan Negara demi mengekalkan alam sekitar secara lestari.

Terima kasih.

Untuk makluman lanjut:

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar  
Tel: 03-8871 2046  
e-mail: aki@doe.gov.my

Chua Hin Chiew  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Tel: 03 – 8886 1584  
e-mel: chua@nre.gov.my